
No. Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

RPK 332 – REKABENTUK BANDAR

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan ini mengandungi **4 Bahagian**.

Bahagian A (Jawab **SEMUA** soalan hanya di atas kertas soalan ini)

Bahagian B (Jawab **SATU** soalan sahaja)

Bahagian C (Jawab **SEMUA** soalan)

Bahagian D (Jawab **SATU** soalan sahaja)

Bahagian A (Jawab SEMUA soalan hanya di atas kertas soalan ini)


(40 markah)

Terdapat 27 soalan dalam **Bahagian A**: Jawab **semua** soalan objektif dan isikan tempat kosong **hanya** dalam kertas soalan ini. Nyatakan hanya satu jawapan yang **paling tepat** sekali untuk setiap soalan objektif manakala isikan tempat-tempat kosong dengan jawapan terbaik untuk setiap soalan isikan tempat kosong. Sila **kembalikan** kertas soalan ini. Setiap soalan bernilai satu markah kecuali ia dinyatakan pada soalan-soalan yang tertentu.

1. _____ merupakan Bandar Yunani pertama yang memperkenalkan sistem perancangan gridiron yang mana pada masa sekarang ia menjadi rekabentuk popular dalam pembangunan bandar moden terutamanya di Amerika Syarikat.
2. *Cardo* dan *Decumanus* merupakan 2 jalan raya utama yang bersilang pada sudut tepat. Orientasi *Cardo* ialah _____ manakala orientasi *Decumanus* ialah _____ (2 markah)
3. Menurut Trachtenberg dan Hyman (1986), model rekabentuk Bandar Tingad ialah salah satu contoh yang dikenali sebagai rekabentuk bandar _____ iaitu bandar yang berasal dari lokasi kem militari askar Rom.
4. Dalam rekabentuk Bandar Forbidden City, ia dibina berasaskan Prinsip Feng Shui. Posisi kedudukan terbaik perancangan kompleks istana dan pentadbiran ini ialah lokasinya yang mempunyai sungai/sumber air di bahagian _____ dan bukit di bahagian _____ (2 markah)

...3/-

5. Sila isikan sembilan tempat kosong pada diagram of the Three Magnets di bawah:




(9 markah)

6. Ebeneser Howard menghadkan jumlah maksima populasi sebanyak _____ orang di setiap bandar dalam kawasan seluas _____ ekar atau (_____ hektar) yang dikelilingi oleh kawasan pertanian yang meliputi 5000 ekar (2358 hektar). (2 markah)
7. _____ merupakan Bandar Baru yang pertama di dunia terletak 34 batu dari Kota London.
8. _____ merupakan perancang Bandar dan _____ merupakan arkitek Bandar Baru yang pertama di dunia yang berpandukan idea The Three Magnet oleh Ebeneser Howard. (2 markah)

9. Raymond Unwin dan Barry Parker memperkenalkan susunatur yang inovasi dikenali sebagai cul-de-sac iaitu dalam rekabentuk Taman Perumahan _____, di London. Prototaip susunatur ini tidak terdapat dalam undang-undang Piawaian Perancangan. Walau bagaimanapun, prototaip yang diperkenalkan ini sangat menarik. Untuk mendapat kelulusan merancang, ia perlu melalui proses penyemakan untuk mendapat kelulusan daripada Parlimen British. Satu enakmen telah dikeluarkan yang meluluskan penggunaan susunatur cul-de-sac dalam perancangan bandar.
10. Pelan susunatur bandar Zaman Pertengahan iaitu bercorak _____ sebagaimana yang ditakrifkan oleh Le Corbusier sebagai corak perancangan berasaskan sistem 'Pack Donkey' yang bermaksud _____ (2 markah)
11. Kerajaan United Kingdom tidak perlu lagi memikirkan masalah tidak cukup rumah di kalangan rakyatnya. Pertambahan jumlah penduduk negara tersebut ialah hampir sifar. Laporan mengenai banyaknya unit perumahan yang tidak berpenghuni adalah perkara normal. Maka tidak hairanlah Bandar _____ merupakan Bandar Baru yang terakhir dibina di United Kingdom iaitu pada tahun 1976. perkembangan Bandar-Bandar Baru dan kesan ini juga akan dialami oleh Malaysia sepertimana yang telah dirancang oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad. Beliau menganggap negara ini juga akan menghadapi konteks yang sama iaitu pertambahan hampir sifar populasi selepas negara mempunyai 70 juta penduduk pada tahun 2020.

12. Bangunan _____ direkabentuk khas untuk menampilkannya sebagai sebuah bangunan yang terpenting dalam sesebuah bandar. Bangunan ini biasanya dibina di pusat bandar atau pusat penempatan sedia ada supaya masyarakat daripada setiap penjuru bandar mendapat akses yang selesa untuk pergi ke gereja tersebut. Untuk merealisasikan penampilkannya ini, ia direkabentuk supaya ia menjadi sebuah bangunan yang paling besar dan tertinggi sekali di dalam sesebuah bandar.
13. Elemen-elemen rekabentuk _____ merupakan identiti utama dalam rekabentuk bandar dan bangunan sejajar dengan perkembangan minda para perekabentuk dan masyarakat yang menekankan unsur-unsur sains dan matematik terutamanya yang bersangkutan dengan ilmu astronomi.
14. Konsep perancangan pembinaan ekonomi dan penempatan baru yang diaplikasikan oleh orang-orang Inggeris di tanah-tanah jajahannya banyak dipengaruhi oleh sistem perancangan yang dirancang oleh Tamadun orang-orang _____ pada zaman dahulu.
15. Grid _____ pula ialah suatu sistem penempatan grid yang dibangunkan dengan kurang teratur. Ia dibangunkan di bawah pengawasan seorang pegawai yang kurang mahir dalam merancang sesuatu penempatan, sebab itulah ukuran grid yang dibangunkan tidak begitu tepat menurut sukatan ukuran yang diperlukan. Sistem grid sememangnya sangat popular diaplikasikan dalam penempatan yang dibangunkan oleh peneroka yang mempunyai latarbelakang militari seperti penempatan awal Bandaraya George Town, Pulau Pinang.

16. Pengajaran daripada masalah yang hampir sama telah berlaku semasa Zaman Empayar Romawi. Menurut Mckay, Butter dan Hill, antara punca utama kejatuhan Empayar Romawi ialah masalah _____ bandar yang kronik. Masalah ini akhirnya menyebabkan kejatuhan Kota Rom.
17. Dalam rekabentuk Bandar Baru Letchworth, Raymond Unwin dan Barry Parker pernah menggunakan teknik yang sama semasa mereka membangunkan *model village* di New Earswick, Yorkshire untuk perumahan bersepadu industri dimiliki oleh Rowntree Chocolate Trust. Rekabentuk yang diketengahkan ini banyak dipengaruhi oleh hasil kerja Charles F.A. Voysey yang memperkenalkan stail _____.
18. Era pembangunan Taman Perumahan dan Bandar Baru yang berkembang dari 1970 hingga 1990 di Semenanjung Malaysia menunjukkan ciri-ciri pengaruh stail moden dalam rekabentuk perancangan dan seni bina. Pengaruh ini adalah selaras dengan citarasa masyarakat dengan stail yang bercirikan rekabentuk _____
19. Gambarajah di sebelah kiri ialah rekabentuk pelan Bandar _____.
Jalan-jalannya direka adalah berpandukan sistem grid yang memusat kepada jalan utama.



20. _____ ialah satu-satunya Bandar Baru yang dibangunkan sebelum merdeka semasa penjajahan orang-orang Inggeris di Tanah Melayu. Ia dibangunkan pada awal dekad 1950 an di bawah kuasa Jabatan Perancang Bandar Persekutuan oleh pentadbiran Inggeris.
21. Masalah paling utama malapetaka akibat operasi tebusguna tanah dan pemotongan bukit dalam perkembangan industri bangunan dan perancangan ialah _____
- a) Tanah runtuh b) Banjir Lumpur
c) Banjir kilat d) Banjir
22. Bandar Baru ini mempunyai ciri-ciri reka bentuk bandar yang sangat mirip dengan reka bentuk Putrajaya _____
- a) Petaling Jaya b) Shah Alam
c) Seremban 2 d) Bandar Baru Bangi
23. Le Corbusier memperkenalkan sistem perancangan Radiant City berdasarkan konsep _____
- a) Harmony by Contrast b) Harmony and Nature
c) Social Harmony d) Industrial Harmony

24. Konsep pembangunan ekonomi ini yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris ini banyak mempengaruhi rekabentuk Bandar Kolonial di Semenanjung Malaysia.
- a) Paddy growing economy b) Subsistence economy
c) Industrial economy d) Monetary economy
25. Taman Perumahan ini di mempunyai ciri-ciri reka bentuk kotej Inggeris _____
- a) Kampung Baru b) Taman Melawati
c) Taman Seri Gombak d) Taman Maluri
26. Diagram Three Magnet oleh Ebeneser Howard sangat menekankan aspek _____
- a) Perancangan b) Sosial
c) Trafik d) Perumahan
27. Konsep Perancangan Bandar Industri Le Corbusier iaitu Radiant City/Contemporary City di pengaruhi oleh idea _____
- a) Augustus Perret b) Martin Heidegger
c) Andre Le Notre d) Tony Garnier

Bahagian B (Jawab SATU soalan sahaja)

1. Jelaskan definisi berikut:

- (a) limpahan bandar (urban sprawl)
- (b) Gentrifikasi (gentrification)
- (c) "eminent domain"
- (d) "urban decay"

(20 markah)

2. Pengekalan bangunan mempunyai tujuan tertentu selaras dengan keadaan setempat. Dengan mengambil contoh salah satu isu dalam pengekalan, bincangkan tujuan tersebut dalam pembangunan bandar.

(20 markah)

3. Ide Utopia telah lama wujud sejak zaman Yunani lagi dan ia terus berkembang dan menjadi ilham kepada jururancang dan arkitek. Dengan mengambil contoh seorang arkitek, bincangkan cadangan beliau terhadap 'idealisme' persekitaran ini.

(20 markah)

Bahagian C (Jawab SEMUA soalan)

4. Pembangunan bandar yang dihasilkan oleh kerajaan serta pemaju-pemaju swasta di Malaysia di tahun-tahun 1990an sehingga kini telah menonjolkan pelbagai konsep rekabentuk, khususnya di bandar-bandar utama .

- a. Bincangkan bagaimana permulaan rekabentuk bandar-bandar berkenaan.
- b. Apakah objektif sesuatu bandar dibentuk dari perspektif pemaju swasta ?
- c. Pemimpin Negara turut memainkan peranan di dalam memberi ide bagi pembentukan bandar di Malaysia. Apakah konsep bandar-bandar berkenaan dan apakah rasional setiap konsep berkenaan?

(20 markah)

... 10/-

Bahagian D (Jawab SATU soalan sahaja)

5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan bandar ideal?
(b) Apakah pra-syarat pengrealisasian ideal city ini.
(c) Mengapakah ianya tidak wujud hari ini?

(20 markah)

6. (a) Lakarkan rekabentuk sebuah bandar ideal.
(b) Tunjukkan unsur-unsur utama bandar ini.
(c) Tunjukkan andaian yang dibuat dalam rekabentuk ini.

(20 markah)

7. (a) Apakah erti eksekutif, legislatif dan judisiari dalam sesuatu bandar.
(b) Apakah bentuk tiga-dalam-satu ini untuk memastikan kesejahteraan bandar ini.
(c) Apakah masalah tiga-dalam-satu ini di bandar Malaysia kini?

(20 markah)